

**YANTY  
NOORZIANNA  
ABDUL MANAF**



# Makna kod E dalam makanan

**D**I Malaysia, kod E sering menjadi isu status halal dan haram sesuatu makanan. Kod E sering terdapat pada pembungkus makanan dan sering menjadi tanda tanya bagi pengguna Islam dan kebanyakan pengguna Islam menganggap ia haram.

Kod E adalah kod khusus aditif/bahan tambah dalam makanan. Huruf 'E' bermaksud Eropah yang asalnya kod ini diguna pakai di negara-negara Kesatuan Eropah dan sekarang digunapakai di seluruh dunia.

Skim penomboran pula mengikut sistem penomboran antarabangsa yang telah ditentukan oleh Jawatankuasa Codex Alimentarius. Codex Alimentarius adalah koleksi standard makanan antarabangsa yang diiktiraf merangkumi kod praktis dan panduan berkaitan dengan makanan, pemprosesan makanan dan keselamatan makanan.

Standard Codex penting dalam memastikan keselamatan makanan dan kod perdagangan yang beretika dijalankan.

Bahan aditif ialah bahan yang selamat dimakan dan ditambah ke dalam makanan dalam kuantiti yang dibenarkan (kebiasaan dalam kuantiti yang sedikit) semasa pemprosesan, penyediaan, pembungkusan dan penyimpanan makanan.

Ia bertujuan untuk mengekalkan dan meningkatkan kualiti, rasa, bentuk dan warna sesuatu makanan. Contoh aditif makanan seperti pengemulsi (emulsifier), pengawet, pewarna dan sebagainya yang dihasilkan sama ada daripada sumber haiwan, tumbuhan, mikrob atau sintetik. Setiap kod dibahagi kepada beberapa kategori aditif dan ditunjukkan dalam jadual di bawah ini:

- Kod E - Kategori aditif
- E100-E199 - Pewarna
- E200-E299 - Pengawet
- E300-E399 - Antioksidan, pengawal asid
- E400-E499 - Pengemulsi, pemekat, penstabil
- E500-E599 - Agen penghalang kerak
- E600-E699 - Penambah rasa
- E900-E999 - Pemanis
- E1000-E1499 - Lain-lain aditif

Status kod E boleh dibahagikan kepada halal, syubhan dan haram. Halal apabila aditif makanan tersebut daripada sumber yang halal dan pemprosesannya juga mengikut hukum syarak. Syubhan pula apabila makanan yang diragukan sumber dan pemprosesannya sama ada daripada unsur halal atau haram.

Perlu diingat, haram sesuatu makanan bukan sahaja mengandungi unsur babi dan anjing, tetapi juga haram sekiranya haiwan yang halal dimakan tidak disembelih mengikut hukum syarak serta terdapat unsur haram di sepanjang proses pembuatannya.

Sebagai contoh, bahan fosfat daripada tulang (E542) adalah haram kerana ia dihasilkan daripada tulang atau gigi binatang. Pewarna merah/cochineal (E120) yang diperolehi daripada sejenis serangga betina (*Dactilopius coccus*) juga haram digunakan menurut mazhab Hanafi.

Bagaimanapun, Majlis Fatwa Kebangsaan meluluskan penggunaan E120 dalam makanan pada kadar tidak melebihi dari 0.003 peratus hingga 0.006 peratus. Status syubhan biasanya pada kod E untuk pengemulsi (beberapa kod di antara E400 hingga E499) kerana ia terhasil daripada lemak tumbuhan atau haiwan.

Pengemulsi daripada sumber lemak tumbuhan seperti kelapa sawit, kacang soya dan lain-lain daripada sumber tumbuhan sudah tentu halal manakala sumber lemak haiwan seperti babi atau lembu, ayam dan lain-lain lagi yang tidak disembelih mengikut hukum syarak adalah haram.

Pengemulsi biasanya digunakan dalam pembuatan marjerin, coklat, ais krim dan lain-lain sebagai pengstabil produk makanan yang berasaskan campuran lemak/minyak dan air/cecair. Penghasilan pengemulsi juga berdasarkan kepada kebolehdapatan sumber minyak dan pertimbangan ekonomi di sesebuah negara. Misalnya di Malaysia, pengemulsi dihasilkan menggunakan minyak kelapa sawit. Berbeza pula dengan negara lain, penghasilan pengemulsi mungkin daripada minyak kacang soya, lemak babi dan sebagainya.

Biasanya makanan yang diimport sering dipertikaikan status halalnya. Bagaimanapun, kod E ini tidak menjadi isu jika sumbernya ditulis pada pembungkus makanan. Sesetengah produk makanan tempatan juga diragui status halalnya jika kod E digunakan dan tidak mempunyai logo halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Sikap berhati-hati dan berwaspada adalah perlu dalam membuat pemilihan jika pengguna berasa curiga dengan label serta status sesuatu produk.